

No. Rujukan : LPIPM:SPN/BPKB/01/1/4 (25)
Tarikh : 28 Julai 2026



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

PEMAKLUMAN

PENAMBAHBAIKAN PROSES PEMERAKUAN BAHAN ATAU PRODUK INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS) BAGI PENGELUARAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS)

1. PENGENALAN

Permohonan Perakuan Pematuhan Standard (PPS/ PPSi) bagi bahan atau produk *Industrialised Building System* (IBS) secara dalam talian melalui Sistem Certification of Construction Product & Material (CCPM) telah dilaksanakan mulai 6 September 2022. Salah satu syarat wajib yang perlu dikemukakan oleh pemohon ialah Pensijilan CIS 24 (dahulunya dikenali sebagai Pensijilan IMPACT) dan proses ini dilaksanakan secara manual oleh pihak CIDB IBS Sdn. Bhd.

Oleh yang demikian, CIDB telah membuat penambahbaikan terhadap proses ini dengan mengintegrasikan proses pengeluaran Pensijilan CIS 24 dan juga PPS melalui Sistem CCPM.

2. OBJEKTIF

- a) Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.
- b) Mempercepatkan proses permohonan dan pengeluaran PPS/ PPSi.
- c) Menyediakan platform permohonan yang lebih sistematik, selamat dan mesra pengguna kepada semua pihak berkepentingan dalam industri pembinaan.

3. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan PPS/ PPSi untuk bahan binaan atau produk IBS boleh dibuat secara dalam talian melalui sistem CCPM di pautan <https://ccpm.cidb.gov.my>. Prosedur permohonan PPS/ PPSi bagi bahan binaan atau produk IBS boleh dirujuk di carta alir yang disertakan di **Lampiran A**.

No. Rujukan : LPIPM:SPN/BPKB/01/1/4 (25)
Tarikh : 28 Julai 2026

4. KADAR BAYARAN

Berikut adalah kadar bayaran :

	Tempatan		Import
	PPS	PPS + IBS	PPSi + IBS
*Yuran Proses Permohonan	RM 100.00	RM 100.00	RM 800.00
Yuran Permohonan Baharu	RM 1,500.00	RM 1,500.00 + RM 1,000.00 (Bagi setiap jenis bahan binaan/ produk IBS)	RM 8,000.00 (Bagi setiap jenis bahan binaan/ produk IBS)
Yuran Permohonan Pembaharuan	RM 750.00	-	RM 8,000.00 (Bagi setiap jenis bahan binaan/ produk IBS)
Yuran Permohonan Penambahan Produk Dalam Tempoh Sahlaku	RM 750.00	RM 750.00 + RM 1,000.00 (Bagi setiap jenis bahan binaan/ produk IBS)	-
Yuran Permohonan Pembaharuan & Penambahan Produk	RM 1,500.00	RM 1,500.00 + RM 1,000.00 (Bagi setiap jenis bahan/ produk IBS)	RM 8,000.00 (Bagi setiap jenis bahan/ produk IBS)

* Bayaran yuran proses tidak akan dipulangkan (*non-refundable*)

5. TARIKH PENGUATKUASAAN

Pelaksanaan penambahbaikan proses pemerakuan bahan atau produk IBS dan pengenaan yuran proses permohonan PPS/ PPSi akan berkuat kuasa mulai **4 Ogos 2026**. Sehubungan dengan itu, tiada lagi pengeluaran Pensijilan CIS 24 oleh CIDB IBS Sdn. Bhd. selepas tarikh tersebut.

No. Rujukan : LPIPM:SPN/BPKB/01/1/4 (25)

Tarikh : 28 Julai 2026

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan kemusykilan boleh diajukan kepada:

a) CIDB IBS Sdn. Bhd.:

No. Telefon Pejabat	03-9224 2280 / 2920	
Nama Pegawai	No. Telefon	Alamat e-mel
En. Zaharuddin Mohamed Tambah	012-6397789	zaharuddin@cidbibs.com.my
Pn. Farah Adibah Ahmad Fadzil	012-2280399	farahadibah@cidbibs.com.my
En. Mohd Aziz Mohd Nasir	012-6292448	aziz@cidbibs.com.my

b) Bahagian Pematuhan Kualiti Binaan:

Alamat e-mel : qpass@cidb.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BINA SEMPURNA”



DATO' Dr. Ts. GERALD SUNDARAJ

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)

b.p. Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

CARTA ALIR PERMOHONAN PPS/ PPSi BAGI BAHAN BINAAN/ PRODUK IBS

